

20/10/1997

Kaum Sikh sokong PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Masyarakat Sikh hari ini mengadakan perhimpunan di seluruh negara sebagai menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di Sentul, masyarakat Sikh menunjukkan sentimen mereka dengan membentangkan kain pemedang menyatakan sokongan berterusan kepada Dr Mahathir pagi ini.

Wakilnya, Jaswant Singh, berkata masyarakat Sikh yakin dengan kepemimpinan Dr Mahathir dan menyokong penuh usaha beliau untuk mengukuhkan dan menstabilkan nilai ringgit.

"Ini adalah pendirian masyarakat Sikh yang tidak pernah mengkhianati pemimpin yang dipilih. Kita tidak mempersoalkan Perdana Menteri kerana apa yang dilakukannya adalah untuk negara, bukan untuk dirinya," katanya.

Menurutnya, masyarakat Sikh Malaysia sentiasa menyokong kerajaan dan usaha membangunkan negara.

(END)